



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CAWANGAN GUAMAN KUALA LUMPUR, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA BEROPERASI SEPENUHNYA MULAI 1 OGOS 2017

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Cawangan Guaman Kuala Lumpur (CGKL) yang telah ditubuhkan pada 1 Mei 2017 yang lalu akan mula beroperasi sepenuhnya di Blok 10, Kompleks Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur mulai 1 Ogos 2017.

Penubuhan CGKL ini akan mengambil alih sepenuhnya fungsi tindakan guaman sivil dan pendakwaan dari Unit Undang-Undang dari tujuh Cawangan LHDNM iaitu Cawangan Duta, Cawangan Tidak Bermastautin, Cawangan Pembayar Cukai Besar, Cawangan Kuala Lumpur Bandar, Cawangan Cheras, Cawangan Wangsa Maju dan Cawangan Bangi.

Keputusan untuk memusatkan tindakan guaman sivil dan pendakwaan dari tujuh Cawangan LHDNM ke CGKL ini adalah sebagai usaha berterusan LHDNM untuk meningkatkan kecekapan dan memantapkan proses kerja pemungutan cukai serta tindakan guaman sivil, di mana CGKL turut akan memberikan tumpuan dalam mengendalikan kes-kes mahkamah yang melibatkan kegagalan pembayar cukai mematuhi ansuran cukai yang telah dipersetujui. Maka secara tidak langsung, tindakan undang-undang kepada pembayar cukai yang culas ini akan dapat dipercepatkan dan

seterusnya mampu memberikan keadilan kepada pembayar cukai yang patuh membayar cukai mereka.

Alamat CGKL dan talian untuk dihubungi adalah seperti yang berikut :

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Cawangan Guaman Kuala Lumpur

Tingkat Bawah, 1, 2 & 3, Blok 10

Kompleks Bangunan Kerajaan

Jalan Tuanku Abdul Halim

50600 Kuala Lumpur

Tel. Am : 03-6209 2669

Faks : 03-6201 0255

Sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my untuk maklumat dan keterangan lanjut.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 25 Julai 2017.

Kenyataan Media LHDNM, 25 Julai 2017